



SIARAN MEDIA

KERAJAAN MADANI SEDIA LEBIH 1 JUTA BUKU ATAS TALIAN SECARA PERCUMA UNTUK RAKYAT

KUALA LUMPUR, 9 OKTOBER 2025 — Usaha Kerajaan untuk menyemai budaya membaca dalam kalangan rakyat terus menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan. Kajian Profil Membaca mencatatkan peningkatan ketara dalam kadar bacaan rakyat Malaysia. Pada tahun 2005, purata rakyat hanya membaca dua (2) buku setahun. Sepuluh tahun kemudian, jumlah tersebut melonjak kepada 15 buah buku, dan pada tahun 2023 meningkat lagi kepada 24 buah buku setahun.

Daripada jumlah itu, purata 16 buku dibaca dalam bentuk fizikal manakala lapan (8) buku lagi dibaca secara atas talian. Kajian terkini turut menunjukkan bahawa 88.6 peratus rakyat Malaysia kini merupakan pembaca aktif, satu pencapaian membanggakan yang membuktikan keberkesanan dasar serta inisiatif berterusan Kerajaan dalam memperkukuh ekosistem ilmu di negara ini.

Bagi memastikan ketercapaian bahan bacaan kepada seluruh lapisan masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah memperkenalkan u-Pustaka, sebuah platform digital sehenti yang menawarkan lebih 1 juta bahan bacaan atas talian secara percuma untuk rakyat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata melalui inisiatif ini, masyarakat boleh mengakses pelbagai bahan digital termasuk e-buku, e-majalah, e-surat khabar, buku audio, e-pembelajaran dan e-jurnal pada bila-bila masa dan di mana jua. Sehingga kini, u-Pustaka telah merekodkan sebanyak 2,985,170 rekod bibliografi dengan

1,014,356 judul koleksi digital, serta menyediakan 22 pangkalan data digital untuk kegunaan umum. Antara pangkalan data yang disediakan termasuk Overdrive, Alkem Digital Library, Mason Crest, Emerald eBook, JGate, Lawnet, Odilo dan MyGuru, menjadikan u-Pustaka sebagai gedung ilmu maya yang komprehensif, inklusif dan mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang.

Inisiatif ini bukan sahaja memperluas capaian bahan bacaan tetapi juga memperkukuh perpaduan nasional melalui perkongsian ilmu, nilai, dan kefahaman antara masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (85)